

Tidak ragu-ragu naikkan denda

KUALA LUMPUR 25 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan ragu-ragu untuk menaikkan denda ke atas sesiapa sahaja yang didapati bersalah membuang sisa toksik secara haram, sekiranya itu yang dikehendaki oleh rakyat.

Sambil menyatakan rasa kesalnya terhadap kejadian terbaru yang berlaku di Pulau Pangkor, Perdana Menteri mengakui, denda yang ada sekarang terlalu rendah.

"Kejadian itu tidak sepatutnya berlaku ... kita tahu denda sekarang rendah, jika pihak media mendesak kepada denda yang lebih tinggi, kita (kerajaan) lebih dari bersedia untuk mematuhi-nya," katanya pada sidang akhbar selepas Konvensyen Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Minggu lalu, sebuah syarikat Pulau Pinang, ScientificTex Sdn. Bhd. membuang secara haram 41 tong berisi bahan kimia beracun potassium sianida di Pulau Pangkor yang dianggarkan boleh membunuh tujuh juta manusia.

Dr. Mahathir memberitahu, setakat ini beliau tidak lagi menerima sebarang laporan mengenai kejadian tersebut.

Katanya, pembinaan loji pembuangan sisa toksik perlu disegerakan jika kejadian seumpama itu hendak dielakkan.

Beliau turut membidas pihak pembangkang yang suka menghasut rakyat untuk menentang apabila kerajaan ingin membina loji memproses sisa toksik.

"Kita (kerajaan) cuba membuat di tempat yang selamat tetapi sengaja ditekan oleh pembangkang. Sebab itu saya kata pembangkang ini suka membangkang sahaja.